NAMA: _____



Seret jawapan ke dalam kotak disediakan supaya menjadi sebuah cerita berdasarkan peribahasa "Sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga".

Maksud: Bagaimana liciknya(pandai menipu atau buat kerja yang jahat) seseorang, ada kalanya dia tersilap juga.

Budin seorang budak yang nakal. Dia suka membuli murid-murid yang lain selain sikapnya yang kasar dan biadap. Budin juga selalu ponteng sekolah. Walaupun dia kerap ditegur oleh gurunya, namun teguran itu tidak diendahkannya.

Bagaimanapun, pada suatu hari, ketika mereka melakukan perkara yang sama, seorang lelaki terpandang perbuatan mereka. Lelaki iu memekik lalu memaut leher Budin. Budin tidak sempat melarikan diri lalu ditangkap oleh lelaki tersebut. Lelaki itu kemudian membawa Budin ke balai polis. Rashid, Balan dan Sidek turut ditangkap oleh pihak polis kerana bersubahat dengan Budin.

Budin dan kawan-kawannya sering menjadikan Tok Din, seorang lelaki tua penjual buah-buahan sebagai mangsa. Kawan-kawan Budin akan berpura-pura terlanggar buah-buahan Tok Din. Apabila Tok Din sibuk mengutip buah-buahan yang jatuh, Budin akan mencuri wang di dalam tempat simpanan wang Tok Din tanpa disedari oleh lelaki tua itu.

Walaupun seseorang itu sangat licik ketika melakukan pebuatan jahat, lama-kelamaan perbuatan jahat itu akan diketahui juga kerana "sepandai-pandai tupai melompat, akhirnya jatuh ke tanah juga." Begitulah juga yang berlaku kepada Budin dan kawan-kawannya.

Budin ada tiga orang sahabat yang nakal sepertinya. Sahabatnya, Rashid, Balan dan Sidek menganggap Budin seorang yang berani. Hal ini kerana, Budin berani mencuri barang-barang peniaga pasar malam. Ketika peniaga sedang sibuk melayan pelanggan, Budin akan berpura-pura memilih barangan. Dia kemudian akan menghulurkan barangan yang hendak dicuri secara sembunyi-sembunyi kepada kawan-kawannya.

LIVEWORKSHEETS LIVEWORKSHEETS

Seret jawapan ke dalam kotak disediakan supaya menjadi sebuah cerita "Pengalaman yang tidak dapat kulupakan"

Pada suatu hari, semasa aku balik dari sekolah, hujan turun renyai-renyai. Aku mempercepatkan langkah agar cepat sampai ke rumah.
Aku memberanikan diri pergi ke tempat kejadian itu. Ramai orang telah mengerumuni tempat kemalangan itu. Sesetengah kenderaan bergerak perlahan untuk melihat kemalangan . Keadaan di tempat kemalangan itu telah menjadi huru-hara. Tanpa membuang masa aku terus menelefon ambulans dan polis menggunakan telefon bimbitku.
Aku terdengar ada orang mengatakan bahawa pemandu Jori itu memandu dalam keadaan mabuk menyebabkannya hilang kawalan lalu bertembung dengan bas dari arah bertentangan.

Aku melihat mangsa-mangsa berlumuran darah. Ada pula yang tidak sedarkan diri. Aku terdengar suara budak-budak menangis dan suara mangsa mengerang kesakitan. Aku berasa simpati dan kasihan terhadap anak-anak kecil yang ketakutan.Kepala pemandu lori berlumuran darah manakala pemandu bas tidak mengalami sebarang kecederaan. Ambulans menghantarkan mangsa-mangsa kemalangan ke hospital.
Selepas semua mangsa yang cedera dibawa ke hospital, pasukan polis serta bomba dan penyelamat pun beredar. Keadaan lalu lintas menjadi pulih semula. Aku meneruskan perjalanan balik ke rumah. Pengalaman ini akan aku ingat sampai bila-bila
Tiba-tiba, aku terdengar satu bunyi dentuman yang kuat di belakangku.Aku menoleh ke belakang. Aku melihat suatu kemalangan di simpang jalan. Aku berasa sangat terkejut melihat kejadian itu. Inilah kali pertama aku menyaksikan kemalangan jalan raya di depan mata aku. Kemalangan itu berlaku kira-kira 100 meter dari sekolah melibatkan sebuah bas dan sebuah lori.
Lima minit selepas itu, polis pun tiba untuk mengawal lalu lintas. Tidak lama kemudian, tiga buah ambulans serta pasukan bomba dan penyelamat sampai di tempat kejadian. Pasukan bomba dan penyelamat mengeluarkan mangsa daripada bas dan lori.

LIVEWORKSHEETS LIVEWORKSHEETS